

NO. SOALAN : 295

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pecahan pendapatan yang diperoleh oleh Petronas daripada Petroleum dan Gas di Sabah dan Sarawak pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014. Nyatakan peratusan pendapatan ini dalam pendapatan Petronas secara keseluruhan dan cukai yang dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Pusat pada 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pendapatan kasar petroleum dan gas daripada operasi huluan Kumpulan PETRONAS dan operasi anak syarikat PETRONAS yang beroperasi hanya di Sabah & Sarawak adalah seperti berikut:

RM bil	2010¹	2011²	2012³	2013³	2014³
Pendapatan (Rujuk Nota)					
Sarawak	79.2	80.2	103.5	110.0	112.8
Sabah	8.3	7.9	10.1	9.2	10.4
Jumlah	87.5	88.1	113.6	119.2	123.2
Pendapatan Kumpulan PETRONAS	241.2	222.8	291.2	317.3	329.1
Cukai Kerajaan Pusat	25.1	21.9	38.3	33.3	32.5

Nota

- Pendapatan yang dilaporkan adalah setelah ditolak 10% bayaran tunai kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.
- Bagi pendapatan dari Sarawak, sehingga 90% dari pendapatannya adalah pendapatan dari anak-anak syarikat yang mengeluarkan LNG dan produk petrokimia. Anak-anak syarikat tersebut mempunyai pemegang-pemegang saham lain seperti Shell Gas Holdings (Malaysia) Limited, Mitsubishi Corporation, Nippon Finance (Netherlands) B.V, Kerajaan Negeri Sarawak, Diamond Gas/Mitsubishi Corporation, Republik Indonesia, National

Development Company, Kementerian Kewangan, Thailand dan Temasek Holdings (Pte) Ltd. Pegangan saham PETRONAS bagi anak-anak syarikat tersebut adalah dalam lingkungan 41% ke 90%.

- Jumlah pendapatan ini adalah sebelum ditolak kos-kos operasi dan juga pembayaran cukai petroleum yang jumlah kedua-duanya boleh menjangkau sehingga 80-90% daripada keseluruhan pendapatan kasar.

¹ 2010 : *Bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2011 (12 Bulan)*

² 2011 : *Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011 (9 Bulan)*

³ 2012 – 2014 : *Bagi Tahun Berakhir 31 Disember (12 Bulan)*

Sekian, terima kasih.